



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ATRIBUSI KEMISKINAN, NILAI PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN DAN
ORIENTASI MASA HADAPAN REMAJA ORANG ASLI
DI NEGERI PAHANG DAN PERAK**

AZLINA MOHD KHIR

FEP 2014 14



**ATRIBUSI KEMISKINAN, NILAI PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN
DAN ORIENTASI MASA HADAPAN REMAJA ORANG ASLI
DI NEGERI PAHANG DAN PERAK**

Oleh

AZLINA MOHD KHIR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah**

Jun 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ATRIBUSI KEMISKINAN, NILAI PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN
DAN ORIENTASI MASA HADAPAN REMAJA ORANG ASLI
DI NEGERI PAHANG DAN PERAK**

Oleh

AZLINA MOHD KHIR

Jun 2014

Pengerusi : Prof. Madya Ma'rof Redzuan, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk i) menghuraikan latar belakang responden; ii) mengenal pasti tahap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian; iii) menentukan perbezaan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian mengikut umur, gender dan tahap pencapaian akademik; iv) menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian; dan v) menentukan faktor-faktor peramal atribusi kemiskinan. Seramai 402 pelajar Orang Asli yang berumur 14 dan 16 tahun dari sepuluh buah sekolah menengah di negeri Pahang dan Perak terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih melalui kaedah persampelan pelbagai peringkat. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Skala Kawalan Internal-Eksternal Nowicki-Strickland untuk Kanak-kanak (SKIENS) digunakan untuk mengukur lokus kawalan, manakala Ujian Orientasi Kehidupan Belia (UOKB) digunakan untuk mengukur orientasi masa hadapan. Nilai pencapaian dan atribusi kemiskinan diukur menggunakan alat ukuran yang dibina sendiri oleh penyelidik. Kesemua alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan nilai pekali kebolehppercayaan Alpha Cronbach antara 0.665 hingga 0.892. Analisis statistik yang digunakan adalah Ujian-t, ANOVA, analisis faktor, korelasi Pearson dan regresi berganda.

Dapatan kajian menunjukkan remaja Orang Asli mengatribut penyebab utama kemiskinan kepada faktor ekonomi, diikuti oleh faktor fatalistik, diri dan sokongan. Kajian turut menunjukkan nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan remaja Orang Asli berada pada tahap sederhana, manakala lokus kawalan cenderung kepada luaran. Keputusan juga menunjukkan nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan, atribusi kemiskinan sokongan dan fatalistik berbeza secara signifikan mengikut tahap

pencapaian akademik. Remaja yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih tinggi, cenderung untuk mempunyai tahap nilai pencapaian lebih tinggi, lokus kawalan dalaman, optimis terhadap masa hadapan dan kurang mempersepsikan kemiskinan kepada faktor sokongan dan fatalistik berbanding remaja yang lemah dalam pencapaian akademik. Selain itu, lokus kawalan dan atribusi kemiskinan diri berbeza secara signifikan antara remaja awal (14 tahun) dan remaja akhir (16 tahun). Remaja akhir yang cenderung kepada lokus kawalan dalaman lebih mempersepsikan kemiskinan kepada faktor diri berbanding remaja awal. Seterusnya, kajian membuktikan remaja lelaki dan perempuan berbeza secara signifikan bagi atribusi kemiskinan sokongan, di mana lelaki lebih mempersepsikan kemiskinan kepada faktor sokongan berbanding remaja perempuan.

Hasil kajian juga menunjukkan hubungan signifikan antara dimensi atribusi kemiskinan dengan nilai pencapaian ($r = -.237$ hingga $r = .134$; $p < .01$), lokus kawalan ($r = -.166$ hingga $r = .263$; $p < .01$), dan orientasi masa hadapan ($r = -.215$ hingga $r = -.214$; $p < .01$). Ujian regresi berganda menunjukkan 3% varians atribusi diri dijelaskan oleh lokus kawalan, manakala 6% varians atribusi sokongan dijelaskan oleh lokus kawalan dan orientasi masa hadapan. Varians atribusi ekonomi dijelaskan sebanyak 2% oleh nilai pencapaian dan varians atribusi fatalistik dijelaskan sebanyak 6% oleh orientasi masa hadapan dan lokus kawalan. Kesimpulannya, nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan mempunyai hubungan dan menjadi peramal kepada atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli. Persepsi remaja orang Asli terhadap faktor dalaman boleh ditingkatkan dengan penerapan nilai pencapaian yang positif, lokus kawalan dalaman dan orientasi masa hadapan yang optimis. Ini penting agar mereka lebih mengoptimumkan potensi diri untuk lebih cemerlang dan keluar dari putaran kemiskinan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

ATTRIBUTION OF POVERTY, ACHIEVEMENT VALUE, LOCUS OF CONTROL AND FUTURE ORIENTATION AMONG ORANG ASLI ADOLESCENTS IN THE STATE OF PAHANG AND PERAK

By

AZLINA MOHD KHIR

June 2014

Chairman : Prof. Madya Ma'rof Redzuan, PhD

Faculty : Human Ecology

This study attempted to determine the relationships between achievement value, locus of control and future orientation with attribution of poverty amongst Orang Asli adolescents. Specifically, the objectives of this research were to i) describe the background of the respondents; ii) identify the level of research variables; iii) determine the differences in research variables in terms of age, gender and level of academic achievement; iv) determine the relationships between variables; and v) determine the predictor of attribution of poverty. A total of 402 Orang Asli students aged 14 years and 16 years from ten secondary schools in the states of Pahang and Perak participated in this research. Respondents were selected using multi-stage sampling technique. This study employed self-administered questionnaires in collecting data from respondents with minimum monitoring from researcher. The Nowicki-Strickland Internal-External Control Scale for Children measured locus of control, while Youth Life Orientation Test measured future orientation. Achievement value and attribution of poverty were measured using instruments created by researcher. All instruments used had yielded a Cronbach's Alpha reliability coefficient value ranging from 0.665 to 0.892. The statistical analysis used were t-test, ANOVA, factor analysis, Pearson correlation and multiple regression.

Findings revealed that the most important attribution of poverty among Orang Asli adolescents are economic factor, followed by fatalistic, self and support factors. This study also indicated that achievement value and future orientation of the Orang Asli adolescents were at moderate level, while locus of control tend to external. Meanwhile, achievement value, locus of control, future orientation, support and fatalistic factor of attribution showed significant differences according to different level of academic achievement. The study also revealed that those adolescents who have higher level of academic achievement tend to have high level in achievement value, internal locus of control, optimism for the future, and less perceived poverty to

fatalistic and support factors, compared to adolescents with low academic achievement. Furthermore, locus of control and self-attribution of poverty showed a significant differences between early adolescents (14 years) and late adolescents (16 years). Late adolescents who tend to internal locus of control, perceived poverty to self factor than early adolescents. Further, the study revealed that there is significance differences between gender for support factor of attribution, where boys were perceived more to support factor than girls.

Moreover, findings indicated that there were significant relationships between attribution of poverty dimensions with achievement value ($r = -.237$ to $r = .134$; $p < .01$), locus of control ($r = -.166$ to $r = .263$; $p < .01$), and future orientation ($r = -.215$ hingga $r = -.214$; $p < .01$). From multiple regression analysis showed that 3% of self-attribution of poverty was explained by locus of control, while 6% variances of support-attribution of poverty explained by locus of control and future orientation. The variances of economic-attribution of poverty was 2% explained by achievement value and the variance of fatalistic-attribution of poverty were 6% explained by future orientation and locus of control. In sum, achievement value, locus of control and future orientation were related and predicted to attribution of poverty among Orang Asli adolescents. Their perception towards internal factor can be heightened through the inculcation of positive achievement value, internal locus of control and optimistic future orientation. It is integral for them to optimise their self potential to succeed further and alleviate themselves from the poverty cycle.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. *Alhamdulillah*. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya saya diberikan nikmat kesihatan, ruang dan peluang untuk melaksanakan penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih ditujukan kepada penyelia utama saya iaitu Prof. Madya Dr. Ma'rof Redzuan, dan penyelia bersama iaitu Dr. Hanina H. Hamsan dan Dr. Mohd Ibrani Shahrinin atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang sangat berguna sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih kepada Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan dan para pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, UPM yang banyak memberikan dorongan dan nasihat sepanjang proses pengajian ini.

Sekalung penghargaan terima kasih ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pahang dan Perak serta pengetua-pengetua sekolah yang terlibat kerana memberikan kelulusan kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ke atas remaja-remaja Orang Asli yang bersekolah menengah di negeri Selangor, Pahang dan Perak. Tidak lupa kepada pihak guru dan warden yang sudi meluangkan masa untuk menjayakan proses pengumpulan data di sekolah mahupun di asrama. Rakaman terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pembantu penyelidik atas usaha dan kesungguhan dalam proses pengumpulan data. Juga kepada para pelajar Orang Asli yang berperanan sebagai responden, ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian, kerjasama dan ruang waktu yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada pihak penaja Universiti Putra Malaysia dan Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) kerana memberikan biasiswa, peluang dan kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah ini. Kepada ibunda Sofiah Hashim dan ayahanda Allahyarham Mohd Khir Abdullah yang dikasihi, terima kasih kerana membesarkan dan mendidikku menjadi insan yang berguna. Buat suami tercinta Nadiem Suhairi dan permata hatiku Afiq Haikal dan Aisy Iman, pengorbanan dan kasih sayang kalian menyuntik semangat dan usahaku untuk terus berjaya. Tidak ketinggalan kepada adik beradik yang banyak menyokong iaitu Noni, Zila, Abang Cik dan Anis. Juga kepada para sahabat yang banyak memberikan idea-idea bernas iaitu Kak Amna, Kak Zarinah, Azeqa dan Farhana. Terima kasih sekali lagi buat semua yang banyak membantu dan memberikan kerjasama. Semoga jasa baik dan pengorbanan semua pihak mendapat keberkatan daripada Ilahi.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ma'rof Bin Redzuan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hanina Halimatusaadiah Binti Hamsan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Ibrani Shahrudin Bin Adam Assim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
Tarikh:

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Hipotesis Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Kerangka Teoritikal	15
1.7.1 Teori Atribusi	16
1.7.2 Teori Nilai	17
1.7.3 Teori Pembelajaran Sosial	20
1.7.4 Pendekatan Kognitif-Motivasi bagi Orientasi Masa Hadapan	22
1.8 Kerangka Konsep	24
1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	26
1.9.1 Nilai Pencapaian	26
1.9.2 Lokus Kawalan	26
1.9.3 Orientasi Masa Hadapan	27
1.9.4 Atribusi Kemiskinan	27
1.9.5 Remaja	28
1.9.6 Orang Asli	29
1.10 Skop Kajian	29
1.11 Organisasi Tesis	30
2	
TINJAUAN LITERATUR	31
2.1 Pengenalan	31
2.2 Atribusi Kemiskinan	31
2.3 Struktur Faktor Atribusi Kemiskinan	36
2.4 Sosio-demografi dan Atribusi Kemiskinan	38
2.4.1 Gender dan Atribusi Kemiskinan	38
2.4.2 Bangsa dan Atribusi Kemiskinan	39
2.4.3 Pendapatan dan Atribusi Kemiskinan	39

2.4.4	Pendidikan dan Atribusi Kemiskinan	40
2.4.5	Atribusi Kemiskinan dalam kalangan Remaja	41
2.5	Nilai dan Atribusi Kemiskinan	43
2.6	Lokus Kawalan dan Atribusi Kemiskinan	48
2.7	Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan	50
2.8	Kemiskinan dalam kalangan Orang Asli	53
2.9	Kesimpulan Bab	56
3	METODOLOGI PENYELIDIKAN	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Proses Penyelidikan	58
3.3	Reka bentuk Kajian	59
3.4	Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian	59
3.5	Proses Persampelan	61
3.6	Alat Ukuran	66
3.6.1	Maklumat Latar Belakang Pelajar dan Keluarga	66
3.6.2	Alat Ukuran Nilai Pencapaian	66
3.6.3	Alat Ukuran Lokus Kawalan	68
3.6.5	Alat Ukuran Orientasi Masa Hadapan	71
3.6.6	Alat Ukuran Atribusi Kemiskinan	73
3.7	Pra-Uji	74
3.8	Proses Pengumpulan Data	75
3.9	Kebolehpercayaan dan Kesahan Skala Kajian Sebenar	78
3.9.1	Kebolehpercayaan	78
3.9.2	Kesahan	79
3.9.2.1	Kesahan Kandungan	79
3.9.2.2	Kesahan Kriteria	82
3.9.2.3	Kesahan Binaan	82
3.10	Prosedur Penganalisan Data	83
3.10.1	Analisis Tinjauan Data	83
3.10.2	Analisis Statistik Deskriptif	85
3.10.3	Analisis Statistik Inferensi	86
3.10.3.1	Ujian-t	86
3.10.3.2	Ujian ANOVA	87
3.10.3.3	Analisis Faktor	87
3.10.3.4	Ujian Statistik Korelasi Pearson	88
3.10.3.5	Analisis Regresi Berganda	89
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	93
4.1	Pengenalan	93
	Bahagian Pertama - Hasil Kajian	94
4.2	Analisis Deskriptif - Latar belakang Responden dan Sosio-demografi Keluarga Responden	94
4.2.1	Latar belakang Responden	94

4.2.2	Latar belakang Sosio-demografi Ibu Bapa Responden	99
4.2.2.1	Status Perkahwinan Ibu Bapa	99
4.2.2.2	Tahap Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	99
4.2.2.3	Pendapatan Bulanan Ibu Bapa, Saiz Isi Rumah dan Klasifikasi Taraf Hidup Responden	101
4.3	Tahap Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan	103
4.3.1	Tahap Nilai Pencapaian	103
4.3.2	Tahap Lokus Kawalan	104
4.3.3	Tahap Orientasi Masa Hadapan	104
4.4	Struktur Faktor bagi Konstruk Atribusi Kemiskinan	104
4.5	Dimensi Atribusi Kemiskinan	107
4.6	Perbezaan Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan, Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur, Gender dan Tahap Pencapaian Akademik	109
4.6.1	Perbezaan Nilai Pencapaian dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur, Gender dan Tahap Pencapaian Akademik	110
4.6.2	Perbezaan Lokus Kawalan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur, Gender dan Tahap Pencapaian Akademik	112
4.6.3	Perbezaan Orientasi Masa Hadapan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur, Gender dan Tahap Pencapaian Akademik	113
4.6.4	Perbezaan Atribusi Kemiskinan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur, Gender dan Tahap Pencapaian Akademik	115
4.6.4.1	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Diri Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	117
4.6.4.2	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Sokongan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	117
4.6.4.3	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Ekonomi Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	119
4.6.4.4	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Fatalistik Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	119

4.7	Analisis Korelasi Pearson - Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan, Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan	121
4.7.1	Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan	121
4.7.2	Hubungan antara Nilai Pencapaian dengan Atribusi Kemiskinan	122
4.7.3	Hubungan antara Lokus Kawalan dengan Atribusi Kemiskinan	123
4.7.4	Hubungan antara Orientasi Masa Hadapan dengan Atribusi Kemiskinan	123
4.8	Regresi Berganda- <i>Stepwise</i>	123
4.8.1	Prediktor Atribusi Kemiskinan Diri	124
4.8.2	Prediktor Atribusi Kemiskinan Sokongan	125
4.8.3	Prediktor Atribusi Kemiskinan Ekonomi	125
4.8.4	Prediktor Atribusi Kemiskinan Fatalistik	126
4.9	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis	127
4.10	Bahagian Kedua - Perbincangan	132
4.10.1	Nilai Pencapaian dalam kalangan Remaja Orang Asli	132
4.10.2	Lokus Kawalan dalam kalangan Remaja Orang Asli	135
4.10.3	Orientasi Masa Hadapan dalam kalangan Remaja Orang Asli	137
4.10.4	Atribusi Kemiskinan dalam kalangan Remaja Orang Asli	139
4.10.5	Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan dengan Atribusi Kemiskinan	143
4.10.6	Pengaruh Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan terhadap Atribusi Kemiskinan	146
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	149
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan	149
5.2.1	Objektif 1	150
5.2.2	Objektif 2	150
5.2.3	Objektif 3	151
5.2.4	Objektif 4	152
5.2.5	Objektif 5	153
5.3	Kesimpulan	154
5.4	Implikasi Kajian	154
5.4.1	Implikasi Teoritikal	154
5.4.2	Implikasi Praktikal	156

5.5	Limitasi Kajian	158
5.6	Cadangan	158
RUJUKAN		161
LAMPIRAN		178
	Lampiran 1 - Soal Selidik Kajian	178
	Lampiran 2 - Jadual Penentuan Saiz Persampelan	189
	Lampiran 3 - Surat Pengesahan Pelajar Siswazah UPM	191
	Lampiran 4 - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	193
	Lampiran 5 - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	195
	Lampiran 6 - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)	199
	Lampiran 7 - Contoh-contoh Analisis Statistik Kajian	203
	Lampiran 8 - Gambar Semasa Pengumpulan Data	209
BIODATA PELAJAR		214
SENARAI PENERBITAN		215

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Insiden Kemiskinan Ketua Isi Rumah Orang Asli dari Tahun 2000-2010	4
2.1	Rumusan Struktur Faktor Pengkaji Lepas	37
2.2	Inventori Nilai	45
3.1	Bilangan Sekolah Menengah dan Pelajar Orang Asli Mengikut Negeri Tahun 2010	60
3.2	Senarai Sekolah Menengah yang Terpilih dan Jumlah Pelajar Tingkatan Dua dan Empat Tahun 2010	62
3.3	Anggaran Jumlah Sampel Tingkatan Dua dan Empat Bagi Setiap Sekolah yang Terpilih	63
3.4	Skor Pemarkatan Bagi Item-item di dalam Alat Ukuran Nilai Pencapaian	67
3.5	Klasifikasi Nilai Pencapaian	68
3.6	Nombor Soalan Bagi Item Pilihan Jawapan "Ya" Dan "Tidak" Bagi Lokus Kawalan Luaran	70
3.7	Skor Pemarkatan Bagi Item-item di dalam SKIENS	70
3.8	Klasifikasi Lokus Kawalan	70
3.9	Nombor Soalan Bagi Item-item Positif dan Negatif dalam Ujian Orientasi Kehidupan Belia	72
3.10	Skor Pemarkatan Bagi Item Positif dan Negatif dalam Ujian Orientasi Kehidupan Belia	72
3.11	Klasifikasi Orientasi Masa Hadapan	72
3.12	Nombor Soalan dan Jumlah Item bagi Setiap Faktor Penyebab	73
3.13	Skor Pemarkatan Bagi Item-item dalam Alat Ukuran Atribusi Kemiskinan	74

3.14	Pekali Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Alatan Ukur Pra-Uji	75
3.15	Maklumat Lokasi dan Tarikh Pengumpulan Data	77
3.16	Pekali Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Alatan Ukur (Kajian Sebenar)	78
3.17	Nilai Alpha Cronbach Alatan Ukur Mengikut Sekaran	79
3.18	Analisis Korelasi Item dengan Dimensi Alatan Atribusi Kemiskinan	80
3.19	Analisis Korelasi Item dengan Dimensi Nilai Pencapaian	82
3.20	Keputusan Ujian <i>Shapiro-Wilk</i>	84
3.21	Keputusan Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	84
3.22	Keputusan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	85
3.23	Garis Panduan untuk Mentafsir Kekuatan Nilai Korelasi Pearson	89
3.24	Analisis Statistik yang Digunakan untuk Mencapai Objektif Kajian	91
4.1	Latar belakang Responden	95
4.2	Peratus Pencapaian UPSR dan PMR Responden bagi Beberapa Subjek Terpilih	97
4.3	Cita-cita Responden	98
4.4	Status Perkahwinan Ibu Bapa Responden	99
4.5	Tahap Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa Responden	100
4.6	Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu Bapa, Bilangan Isi Rumah dan Taraf Hidup Responden	101
4.7	Skor dan Tahap Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli	103
4.8	Ujian Pengukuran ' <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> ' dan ' <i>Bartlett's Test of Sphericity</i> '	105

4.9	Analisis Faktor Atribusi Kemiskinan Komuniti Orang Asli	106
4.10	Dimensi Atribusi Kemiskinan	107
4.11	Pemeringkatan Min Item Atribusi Kemiskinan	108
4.12	Klasifikasi Tahap Pencapaian Akademik	109
4.13	Perbezaan Nilai Pencapaian dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur dan Gender	110
4.14	Nilai Pencapaian Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	111
4.15	Keputusan Analisis ANOVA Nilai Pencapaian Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	111
4.16	Perbezaan Nilai Pencapaian Berdasarkan Kumpulan	111
4.17	Perbezaan Lokus Kawalan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur dan Gender	112
4.18	Lokus Kawalan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	113
4.19	Keputusan Analisis ANOVA Lokus Kawalan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	113
4.20	Perbezaan Lokus Kawalan Berdasarkan Kumpulan	113
4.21	Perbezaan Orientasi Masa Hadapan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur dan Gender	114
4.22	Orientasi Masa Hadapan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	114
4.23	Keputusan Analisis ANOVA Orientasi Masa Hadapan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	115
4.24	Perbezaan Orientasi Masa Hadapan Berdasarkan Kumpulan	115
4.25	Perbezaan Atribusi Kemiskinan dalam kalangan Remaja Orang Asli Berdasarkan Umur dan Gender	116
4.26	Atribusi Kemiskinan Diri Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	117

4.27	Keputusan Analisis ANOVA Atribusi Kemiskinan Diri Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	117
4.28	Atribusi Kemiskinan Sokongan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	118
4.29	Keputusan Analisis ANOVA Atribusi Kemiskinan Sokongan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	118
4.30	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Sokongan Berdasarkan Kumpulan	118
4.31	Atribusi Kemiskinan Ekonomi Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	119
4.32	Keputusan Analisis ANOVA Atribusi Kemiskinan Ekonomi Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	119
4.33	Atribusi Kemiskinan Fatalistik Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	120
4.34	Keputusan Analisis ANOVA Atribusi Kemiskinan Fatalistik Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	120
4.35	Perbezaan Atribusi Kemiskinan Fatalistik Berdasarkan Kumpulan	120
4.36	Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan, Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan	122
4.37	Rumusan Model Analisis Regresi Stepwise bagi Atribusi Kemiskinan Diri	124
4.38	Rumusan Model Analisis Regresi Stepwise bagi Atribusi Kemiskinan Sokongan	125
4.39	Rumusan Model Analisis Regresi Stepwise bagi Atribusi Kemiskinan Ekonomi	126
4.40	Rumusan Model Analisis Regresi Stepwise bagi Atribusi Kemiskinan Fatalistik	127
4.41	Rumusan bagi Keputusan Pengujian Hipotesis	127

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Teoritikal: Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan dengan Atribusi Kemiskinan Remaja Orang Asli	15
1.2	Model Teoritikal Hubungan antara Sepuluh Jenis Motivasi Nilai oleh Schwartz	19
1.3	Kerangka Konsep: Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan, Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan	25
3.1	Carta Alir Proses Penyelidikan	58
3.2	Proses Pemilihan Sampel	65
3.3	Klasifikasi Responden	68
3.4	Ilustrasi Klasifikasi Nilai Pencapaian	68
3.5	Ilustrasi Klasifikasi Lokus Kawalan	70
3.6	Ilustrasi Klasifikasi Orientasi Masa Hadapan	73
3.7	Proses Permohonan Kelulusan untuk Pengumpulan Data	76
4.1	Ilustrasi Klasifikasi Tahap Pencapaian Akademik	109

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Perincian
ANOVA	Analysis of Variance
Beta	pekali regresi piawai
Bil	Bilangan
dk	darjah kebebasan
EDA	Exploratory Data Analysis
F	statistik taburan F
hlm	halaman
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKD	Jumlah Kuasa Dua
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MKD	Min Kuasa Dua
n	bilangan subjek
r	pekali korelasi
R ²	pekali penentu regresi
Sig.	signifikan
S.P.	sisihan piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
t	statistik taburan t

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Atribusi sosial merujuk kepada cara bagaimana kita cuba memahami dan menerangkan sebab-sebab tingkah laku orang lain. Menurut Ma'rof (2005), proses atribusi sosial menjadi salah satu topik penyelidikan yang utama dalam bidang psikologi sosial kerana atribusi sosial memainkan peranan utama dalam persepsi sosial. Persepsi sosial berkaitan dengan cara kita berusaha mengetahui dan memahami orang lain atau sesuatu peristiwa yang berlaku di sekeliling kita. Persepsi sosial bukan semata-mata melibatkan persepsi yang bersifat segera terhadap sesuatu rangsangan, malah ia melibatkan beberapa proses berterusan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu membentuk impresi, membuat kesimpulan dan atribusi terhadap tingkah laku orang lain (Rozmi, 2011).

Kajian mengenai bagaimana manusia cenderung membuat atribusi sosial telah dimulakan sejak lebih 55 tahun dahulu oleh pelopor dalam kajian atribusi sosial iaitu Fritz Heider (1958). Heider berpendapat bahawa setiap orang mempunyai teori umum dalam memahami tingkah laku manusia lain. Teori umum itu disebut sebagai psikologi naïf iaitu kecenderungan untuk merumus dan menjelas peristiwa sosial. Teori atribusi yang dikemukakan oleh Heider menekankan faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merujuk kepada faktor yang datang daripada individu itu sendiri, sementara faktor luaran merujuk kepada faktor yang datang daripada luar diri individu.

Aspek atribusi ini pernah diteliti oleh penyelidik-penyelidik dalam memahami fenomena kemiskinan. Atribusi kemiskinan merujuk kepada proses yang cuba menerangkan sebab-sebab kemiskinan sama ada penyebab dalaman atau penyebab luaran seperti mana yang diketengahkan oleh Joe R. Feagin (1972). Feagin adalah antara pelopor kajian persepsi rakyat Amerika terhadap penyebab kemiskinan. Beliau mendapati sebelas alasan yang selalu diberikan oleh rakyat Amerika dalam menjelaskan penyebab kemiskinan dan mengkategorikan alasan-alasan tersebut kepada tiga kategori asas iaitu individualistik, strukturalistik dan fatalistik. Pendekatan individualistik menekankan alasan individu sebagai punca kemiskinan, manakala pendekatan struktural memberi fokus kepada faktor luaran seperti tiada pekerjaan dan pendapatan yang rendah (Wilson, 1987). Faktor fatalistik pula menekankan sifat berserah kepada takdir seperti keuzuran, nasib tidak baik dan malang di luar kawalan manusia (Feagin, 1972; Feather, 1974; Morcol, 1997; Saunders, 2002). Selain itu, terdapat juga pengkaji yang mengetengahkan faktor budaya sebagai salah satu faktor penyebab kemiskinan (Bullock, 1999; Cozzarelli, Wilkinson & Tagler, 2001).

Sejak tahun 1970an, kebanyakan kajian atribusi kemiskinan lebih tertumpu kepada ciri-ciri sosio-demografi individu dalam menentukan persepsi terhadap penyebab kemiskinan (Cozzarelli et al. 2001; Niemala, 2008; Kainu & Niemala, 2010). Gender, umur, bangsa, pendidikan dan status pekerjaan didapati memberi kesan kepada atribusi seseorang terhadap kemiskinan. Para pengkaji turut mendapati faktor-faktor psikologi seperti kepercayaan, nilai, sikap, (Kainu & Niemala, 2010) dan lokus kawalan (Nasser & Abouchedid, 2006) juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan atribusi kemiskinan. Ini bermakna seseorang yang mempunyai nilai, sikap dan lokus tertentu mempengaruhi cara mereka berfikir dan mempersepsikan penyebab kemiskinan kepada faktor dalaman atau luaran.

Dalam skop kajian ini, pengkaji cuba meneliti bagaimana orang miskin mempersepsikan penyebab kemiskinan terutamanya dalam kalangan Orang Asli yang kebanyakannya masih kekal dalam kemiskinan. Komuniti Orang Asli adalah satu-satunya komuniti peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka masih tinggal di kawasan pedalaman di beberapa negeri seperti Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah. Komuniti Orang Asli bukanlah suatu kaum minoriti yang bersifat homogen, tetapi mereka merupakan suatu kaum yang heterogen yang mana terdapat perbezaan unik dari segi sosio-budaya dan psikososio-kognitif bagi setiap kaum (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011). Komuniti ini terdiri daripada tiga rumpun bangsa yang utama iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Setiap rumpun bangsa itu pula mempunyai enam lagi suku kaum yang berbeza, menjadikan jumlah kesemua suku kaum Orang Asli adalah 18. Berdasarkan Sistem Maklumat e-Damak JAKOA 2010, jumlah penduduk Orang Asli adalah seramai 178,197 orang pada tahun 2010, berbanding 34,747 orang pada tahun 1947, yang menunjukkan peningkatan yang begitu ketara dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 2.59 peratus.

Walau bagaimanapun, Orang Asli telah dikenal pasti sebagai salah satu kumpulan yang berisiko dan seringkali dikaitkan dengan masalah kemiskinan. Ini disebabkan oleh kadar kemiskinan mereka yang masih lagi tinggi iaitu sebanyak 31.16 peratus pada tahun 2010 (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011). Menerusi kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada pemikiran atau kognisi anak-anak Orang Asli khususnya remaja dalam memahami dan mempersepsikan penyebab kemiskinan sama ada kepada sebab-sebab dalaman seperti sikap dan personaliti Orang Asli itu sendiri atau sebab-sebab luaran seperti peluang pekerjaan, infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan, lokasi penempatan yang jauh dari bandar mahupun takdir yang tidak dapat dielakkan. Pengkaji juga cuba untuk mengenal pasti tahap faktor-faktor psikologi seperti nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan remaja Orang Asli yang seringkali dikaitkan dengan tahap pencapaian akademik yang lemah, dan seterusnya

mengkaji hubungan dan kesan faktor-faktor tersebut terhadap atribusi kemiskinan.

Pemahaman tentang bagaimana orang miskin mengatribut penyebab kemiskinan adalah penting kerana persepsi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku (Kane, 1987). Menurut Shek (2003), persepsi tentang kemiskinan mungkin mempengaruhi motivasi masyarakat miskin untuk berubah. Begitu juga atribusi anak-anak tentang penyebab kemiskinan mungkin memberi impak kepada matlamat masa hadapan mereka termasuk aspirasi akademik anak-anak tersebut (Murry, Brody, Brown, Wisenbaker, Cutrona & Simons, 2002). Berlandaskan kepada pengenalan ini, fokus kajian ini adalah kepada atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

Bab satu ini merupakan latar belakang kajian bagi memahami keseluruhan aspek yang dikaji. Bab ini akan membincangkan beberapa perkara berkaitan pernyataan masalah, diikuti oleh persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian. Seterusnya, bahagian ini turut membentangkan perspektif teoritikal, kerangka konsep, definisi konsep, limitasi kajian dan organisasi tesis.

1.2 Pernyataan Masalah

Isu utama masyarakat Orang Asli adalah kemiskinan, di mana isu ini sering dikaitkan sebagai punca atau penyumbang kepada isu-isu pembangunan Orang Asli yang lain khususnya isu pendidikan serta kesihatan. Kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli juga dikatakan turut memberi sumbangan kepada data kemiskinan negara secara umumnya (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011).

Merujuk kepada Jadual 1.1, kadar kemiskinan Orang Asli pada tahun 2000 ialah 83.4 peratus, di mana seramai 10,085 (39.8%) ketua isi rumah (KIR) Orang Asli tergolong dalam kelompok miskin dan selebihnya 11,046 (43.6%) KIR Orang Asli adalah miskin tegar. Seterusnya, perangkaan peratusan kemiskinan Orang Asli menurun daripada 83.4 peratus pada tahun 2000 kepada 50 peratus pada tahun 2007. Ini bermakna, satu daripada dua Orang Asli adalah miskin. Menjelang tahun 2009, kadar kemiskinan dalam kalangan Orang Asli telah berjaya dikurangkan kepada 49 peratus dan seterusnya kepada 31.16 peratus pada tahun 2010.

Secara keseluruhan, perangkaan peratusan kemiskinan Orang Asli menurun daripada 83.4 peratus pada tahun 2000 kepada 31.16 peratus pada tahun 2010. Walaupun berlaku kadar penurunan yang agak tinggi iaitu sebanyak 52.24 peratus sepanjang tempoh sepuluh tahun tersebut, namun peratusan kadar kemiskinan Orang Asli masih lagi tinggi dan belum berkesudahan.

Jadual 1.1 Insiden Kemiskinan Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli dari Tahun 2000-2010

Tahun	Jumlah Ketua Isi Rumah	Kemiskinan					
		Miskin		Miskin Tegar		Jumlah	
		Peratus	KIR	Peratus	KIR	Peratus	KIR
2000	25,337	39.80	10,085	43.60	11,046	83.40	21,131
2001	26,198	39.80	10,428	41.03	10,749	80.83	21,177
2002	28,476	41.20	11,732	37.88	10,788	79.08	22,520
2003*	29,873	41.63	12,435	35.26	10,532	76.88	22,967
2007	27,841	18.00	5,011	32.00	8,909	50.00	13,920
2008	27,841	17.75	4,942	32.34	9,004	50.09	13,946
2009	27,841	33.53	9,335	15.47	4,307	49.00	13,642
2010	36,658	11.19	4,102	19.97	7,321	31.16	11,423

Sumber : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKOA 2010

Nota : Data bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 tidak dikeluarkan oleh JAKOA bagi tujuan bancian semula

Walhal, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada tahun 2006 hingga tahun 2010, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM377.3 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk pembangunan masyarakat Orang Asli (JAKOA, 2011). Peruntukan tersebut telah diagihkan mengikut program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu Program Penempatan Tersusun (PPT) sebanyak RM109.9 juta (29.1%), Program Pembangunan Ekonomi (PPE) sebanyak RM109.1 juta (28.9%) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) sebanyak RM158.3 juta (42%). Walaupun kerajaan telah berbelanja besar, namun masyarakat Orang Asli masih lagi miskin. Sekiranya pola perbelanjaan tidak seimbang dan berlaku ketirisan, ia akan menyebabkan masyarakat Orang Asli terus mundur, miskin dan diselubungi sindrom kebergantungan.

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan, pergantungan terhadap sumber-sumber ekonomi tradisional merupakan faktor utama yang menghalang kepada usaha perkembangan tahap kualiti hidup yang lebih baik (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011). Ini dipersetujui oleh Zahid, Ma'rof, Ghazali dan Abdul Halim (1996) (dalam Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011) bahawa kegiatan ekonomi Orang Asli yang berasaskan kepada sumber tradisional tidak dapat menjamin pulangan pendapatan yang tetap dan stabil kepada mereka kerana harga pasaran yang rendah atau ditipu oleh pihak tengah yang mengawal harga barangan yang dijual.

Selain itu, hasil kajian oleh Mohd Fauzi dan A. Gani (2010) mendapati tujuh faktor yang menyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli adalah klasifikasi kawasan, umur ketua isi rumah, saiz isi rumah, tahap pendidikan ketua isi rumah, jenis pekerjaan ketua isi rumah, gender ketua isi rumah dan peminggiran dalam kalangan Orang Asli. Seterusnya, Zainal Abidin (2008) pula berpendapat, faktor kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang

Asli sering dikaitkan dengan masalah masih ramai yang bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber ekonomi utama, tempat tinggal yang jauh di pedalaman yang menyulitkan perhubungan dan pemasaran barang-barang yang hendak dijual, dan tidak kurang penting juga faktor ketiadaan hak milik tanah dan sikap pergantungan kepada bantuan kerajaan. Sementara itu, hasil kajian oleh Juli Edo (2008) turut menekankan faktor yang sama seperti mana yang dibincangkan oleh Zainal Abidin (2008) dan menambah beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada kemiskinan Orang Asli seperti rasa rendah diri dan terasing daripada komuniti lain, tahap pendidikan yang rendah, simpanan wang yang sedikit atau tiada langsung, kurang kemahiran dan pendedahan kepada etika pekerjaan moden.

Selain itu, masyarakat Orang Asli juga masih terikat dengan cara berfikir dan bertindak mengikut amalan lama. Mereka masih mengharapkan subsidi atau bantuan kerajaan dan menganggap pelaksanaan pembangunan adalah merupakan tanggungjawab sepenuhnya oleh kerajaan. Sikap kebergantungan yang tinggi kepada bantuan, menyebabkan mereka berada dalam zon selesa dan cepat berpuas hati serta kurang daya usaha (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011).

Justeru, berdasarkan faktor-faktor kemiskinan seperti yang telah dibincangkan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini, maka masih boleh diringkaskan bahawa kemiskinan dalam kalangan Orang Asli itu disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman meliputi faktor yang datangnya daripada diri Orang Asli itu sendiri seperti perasaan rendah diri, kurang kemahiran dan sikap pergantungan kepada bantuan kerajaan, manakala faktor luaran adalah faktor di luar diri Orang Asli seperti tempat tinggal yang jauh di pedalaman dan sumber ekonomi utama adalah daripada hasil hutan. Walaupun begitu, faktor-faktor kemiskinan tersebut adalah berdasarkan 'kaca mata' atau hasil penelitian oleh penyelidik (pemerhati) semata-mata. Maka, hasilnya boleh menimbulkan '*Fundamental Attribution Error*' di mana pemerhati mempunyai kecenderungan untuk mengatribut tingkah laku orang lain lebih kepada faktor disposisi atau dalaman berbanding faktor situasi atau luaran. Rentetan daripada itu, maka sejauhmanakah kita memberi peluang kepada Orang Asli itu sendiri untuk memberikan pandangan tentang penyebab kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat mereka. Hal ini adalah suatu yang penting dalam melihat 'perbezaan pelaku-pemerhati' dalam mempersepsikan sesuatu fenomena termasuklah masalah kemiskinan Orang Asli. 'Perbezaan pelaku-pemerhati' adalah kecenderungan untuk membentuk persepsi bahawa tingkah laku sendiri adalah daripada sebab-sebab luaran, sebaliknya tingkah laku orang lain dari sebab-sebab dalaman (Ma'rof, 2005). Justeru, kajian ini cuba mengkaji bagaimana Orang Asli itu sendiri mengatribut kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat mereka.

Seterusnya, pihak kerajaan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50 peratus pada tahun 2009 kepada 25 peratus pada tahun 2015 dan sifar kemiskinan pada tahun 2020. Untuk itu, dua elemen penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan adalah pendidikan dan peningkatan ekonomi. Dalam konteks masyarakat minoriti khususnya masyarakat Orang Asli, tahap pendidikan dalam kalangan golongan ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan masyarakat arus perdana. Malah, kadar keciciran di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah masih lagi tinggi. Sebagai contoh, berdasarkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (2011), daripada seramai 4,431 murid Orang Asli yang tamat darjah enam pada tahun 2009, hanya 3,145 orang sahaja yang menyambung pelajaran ke tingkatan satu pada tahun 2010. Ini bererti kadar keciciran adalah sebanyak 29.02 peratus, dan kadar tersebut masih lagi tinggi. Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan Orang Asli sering dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran, malah ia turut menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai kemajuan. Sekiranya masih terdapat anak-anak Orang Asli yang tidak berminat ke sekolah, maka bagaimanakah usaha untuk menangani kemiskinan akan berjaya sepenuhnya? Oleh itu, timbul persoalan bagaimanakah pandangan dan pemikiran anak-anak Orang Asli terhadap masa hadapan mereka? Adakah mereka optimis untuk berjaya dalam pendidikan? Ini kerana kejayaan akademik sangat berkait dengan perasaan positif terhadap masa hadapan seperti optimis (Peterson, 2000; Chang & Sanna, 2003). Sekiranya pelajar Orang Asli tidak optimis terhadap masa hadapan, maka usaha untuk berjaya dalam pelajaran agak sukar dicapai.

Seterusnya, bagaimana pula dengan lokus kawalan dan nilai untuk mencapai kejayaan? Menurut Schwartz (1992), pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan nilai pencapaian, begitu juga dengan lokus kawalan dalaman yang berhubung secara positif dengan pencapaian akademik (Ghamzadeh & Saadat, 2011). Justeru, aspek-aspek psikologi ini seharusnya dikaji dalam kalangan anak-anak Orang Asli kerana ia sangat berkait dengan pencapaian akademik dan seterusnya usaha untuk keluar dari kitaran kemiskinan. Di samping itu, perbezaan latar belakang seperti jantina, umur dan tahap pencapaian akademik juga mungkin memberikan perbezaan pada tahap aspek-aspek psikologi mereka dan perlu diberi perhatian.

Melihat kepada kepentingan peranan generasi anak-anak Orang Asli yang akan dewasa kelak, ternyata persepsi anak-anak remaja itu tentang penyebab kemiskinan adalah suatu yang penting untuk diketahui. Tambahan pula, kebanyakan kajian atribusi kemiskinan yang sedia ada melibatkan golongan dewasa serta pelajar kolej dan universiti. Hanya sedikit sahaja kajian yang mengkaji bagaimana remaja mempersepsikan penyebab kemiskinan, sedangkan pemahaman tentang bagaimana remaja miskin menjelaskan kemiskinan adalah penting kerana impak kemiskinan mungkin lebih ketara

pada tahap perkembangan remaja (Shek, 2003). Bagaimana persepsi remaja Orang Asli terhadap penyebab kemiskinan wajar diselidiki kerana mereka yang memegang tanggungjawab sebagai pelajar sering dikaitkan dengan masalah pembelajaran, tahap pencapaian akademik yang lemah dan masalah keciciran pelajar. Masalah-masalah tersebut pula dikaitkan semula dengan kemiskinan dan kemunduran. Justeru, timbul persoalan seterusnya iaitu bagaimanakah anak-anak Orang Asli mengatribut kemiskinan? Adakah remaja Orang Asli mengatribut kemiskinan kepada faktor dalaman atau faktor luaran? Dan adakah aspek-aspek psikologi seperti nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan anak-anak Orang Asli mempengaruhi persepsi mereka terhadap penyebab kemiskinan?

Persoalan-persoalan yang tercetus itu menimbulkan permasalahan kajian seterusnya bagi kajian ini. Secara tradisi, kajian-kajian atribusi kemiskinan memfokus kepada bagaimana ciri-ciri individu menentukan persepsi penyebab kemiskinan (Kainu & Niemala, 2010). Kebanyakan kajian lepas yang mengkaji tahap individu dalam menentukan persepsi kemiskinan memfokus kepada ciri-ciri sosio-demografi individu seperti gender, umur, bangsa atau etnik, pendidikan dan status pekerjaan (Cozzarelli et al. 2001; Niemala, 2008). Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas turut menunjukkan bahawa perubahan demografi hanya dapat menerangkan sedikit perkaitan dengan persepsi penyebab kemiskinan. Bahkan, penyelidik seperti Gilens (1999) dan Hunt (1996, 2002, 2004) tidak menunjukkan pola yang jelas dan konsisten. Justeru, dalam skop kajian ini yang melibatkan golongan remaja, pengkaji melihat faktor-faktor psikologi seperti nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan yang sangat berkait dengan perkembangan remaja adalah penting untuk dikaji dan diuji hubungannya dengan atribusi kemiskinan Orang Asli. Terdapat kajian yang mendapati kepercayaan-kepercayaan yang lebih luas, nilai dan sikap lebih berhubung dengan atribusi kemiskinan berbanding ciri-ciri sosio-demografi (Kainu & Niemala, 2010).

Kajian oleh Morgon, Mullen dan Skitka (2010) telah memfokus kepada mekanisma motivasi yang spesifik iaitu peranan nilai dalam membentuk kesimpulan atribusi. Dengan mengukur, memanipulasi dan menjalankan ujian empirikal peranan nilai, penyelidikan semasa menyediakan bukti yang penting bahawa nilai-berhubung penaakulan (*values-related reasoning*) bertindak sebagai satu kuasa motivasi yang membentuk bukan sahaja perbezaan ideologi dalam atribusi tetapi lebih umumnya kepada atribusi. Menurut Morgon lagi, penyelidikan semasa mencadangkan bahawa nilai menyediakan satu sumber yang penting bagi motivasi yang membentuk penaakulan atribusi.

Justeru, kajian yang dilakukan ini menyambung penyelidikan lalu dengan menguji satu jenis motivasi yang khusus iaitu nilai pencapaian yang membentuk atribusi-konsistensi antara kesimpulan nilai dan atribusi. Nilai

pencapaian dilihat sebagai satu pemboleh ubah motivasi yang berpotensi untuk mempengaruhi atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli. Kajian-kajian nilai sebelum ini banyak memberi tumpuan kepada nilai ideologi atau orientasi politik seperti konservatif dan liberal (Skitka et al. 2002; Lepianka, 2010), nilai agama dan keagamaan (Hunt, 2002), etika kerja Protestant (Cozzarelli et al. 2001) dan kepercayaan dalam sebuah dunia yang adil (Harper & Manasse, 2001). Sedangkan nilai-nilai tersebut kurang sesuai untuk dikaji dalam skop kajian ini yang melibatkan remaja Orang Asli yang bersekolah. Oleh itu, satu motivasi nilai iaitu nilai pencapaian (nilai yang memberi perhatian kepada keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya sebagaimana yang didefinisikan oleh sesebuah masyarakat) yang kurang dikaji hubungannya dengan atribusi kemiskinan dianggap sebagai satu nilai yang sangat berkait dengan perkembangan remaja Orang Asli dan berpotensi untuk memberi sumbangan kepada atribusi kemiskinan.

Seterusnya, kajian yang mengkaji atribusi kemiskinan dan hubungannya dengan lokus kawalan adalah sangat terhad (Nasser & Abouchedid, 2006). Lokus kawalan asal oleh Rotter iaitu dalaman atau luaran telah digunakan sebagai satu pengukuran penetapan matlamat dan motivasi dalam organisasi-organisasi (Biggs, 1987) serta dalam pembelajaran dan prestasi dalam pendidikan dan penetapan organisasi (Rose, 1996). Walaupun skop dan objektif kajian yang menggunakan konstruk Internal-Eksternal oleh Rotter berbeza, hasil yang konsisten dalam bidang penyelidikan, sama ada gaya personaliti individu adalah subjek kepada kawalan dalaman atau luaran memberi kesan kepada hasil persepsi (Wan & Bond, 1982). Akhir sekali adalah kekurangan kajian yang mengkaji hubungan antara orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan. Nasser et al. (2006) turut mencadangkan agar dilakukan kajian yang mengambil kira gaya personaliti individu dalam melihat kemiskinan. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Xenikou, Furnham dan McCarrey (1997), individu perlu dilihat bukan sahaja pada lokus kawalan dalaman dan luaran tetapi juga daripada gaya optimis dan pesimis.

Justeru, berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti, maka suatu kajian yang mengkaji atribusi kemiskinan dan hubungannya dengan nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dalam kalangan remaja Orang Asli perlu dijalankan agar hasilnya dapat membantu pihak kerajaan mengenal pasti penyebab kemiskinan dan seterusnya mengimplementasi kaedah dan intervensi terbaik membasmi kemiskinan dari aspek psikologi bagi golongan minoriti Orang Asli. Ini ditambah lagi dengan kekurangan kajian-kajian psikologi yang dilakukan dalam usaha membasmi kemiskinan Orang Asli di Malaysia. Kebanyakan kajian kemiskinan dalam kalangan Orang Asli lebih tertumpu kepada aspek ekonomi dan sosial. Antaranya adalah seperti kajian Kemiskinan dalam kalangan Masyarakat Orang Asli (Mohd Fauzi, Nor Aini, Madeline & Faridah, 2006), kajian Kemiskinan Orang Asli di Bandar (Juli Edo dan rakan-

rakan, 2008), dan kajian Analisis Faktor Kemiskinan Orang Asli: Aplikasi Model Multinomial Logit (Mohd Fauzi & Mohd Afandi, 2010).

Selain itu, data Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2008) menunjukkan hampir 2000 kajian formal yang telah dilakukan ke atas Orang Asli banyak memberi tumpuan kepada aspek budaya, pendidikan, kepimpinan, kebajikan sosial, ekonomi, pengetahuan peribumi dan pembangunan. Ini bermakna, kajian yang mengetengahkan aspek psikologi kemiskinan seperti atribusi kemiskinan tidak pernah dilaksanakan. Oleh itu, kajian seperti ini amat penting dilaksanakan terutamanya dalam kalangan Orang Asli untuk mengetahui persepsi dan khususnya atribusi mereka terhadap fenomena kemiskinan yang telah sebatian dengan kehidupan mereka, di samping memberikan sumbangan baru kepada penyelidikan psikologi kemiskinan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan dan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli?
2. Adakah terdapat perbezaan nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan dan atribusi kemiskinan mengikut umur, jantina dan tahap pencapaian akademik remaja Orang Asli?
3. Adakah terdapat hubungan antara nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli?
4. Apakah faktor yang dapat meramal atribusi kemiskinan remaja Orang Asli?

1.4 Objektif Kajian

Objektif Am

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

Objektif Khusus

1. Menghuraikan latar belakang responden (umur, jantina, suku kaum, agama, pencapaian akademik dan cita-cita) dan sosio-demografi (status perkahwinan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, bilangan isi rumah dan taraf hidup) keluarga responden.
2. Mengenal pasti tahap nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan dan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

3. Menentukan perbezaan nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan dan atribusi kemiskinan mengikut umur, jantina dan tahap pencapaian akademik remaja Orang Asli.
4. Menentukan hubungan antara nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.
5. Menentukan faktor-faktor peramal atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara bagi penyelesaian masalah (Mohd Majid, 2005). Hipotesis membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan dan memberi jangkaan penyelidik mengenai hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Bukti-bukti daripada cerapan penyelidikan akan menentukan sama ada sesuatu hipotesis itu perlu diterima atau tidak.

Pembentukan hipotesis null dan alternatif dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lalu. Sekiranya terdapat banyak kajian lalu yang menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan atau perhubungan yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, maka hipotesis alternatif dibangunkan untuk kajian ini. Walau bagaimanapun, sekiranya kajian-kajian lalu kurang atau tidak menunjukkan perbezaan atau perhubungan yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, maka hipotesis null dibangunkan untuk kajian ini.

Di antara asas pembentukan hipotesis alternatif untuk kajian ini adalah kajian yang dilakukan oleh Schwartz (1992) yang mendapati pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan nilai pencapaian. Juga kajian oleh Kopera-Frye (1991) dan Ghasemzadeh Saadat (2011) yang mendapati wujud hubungan positif secara signifikan antara lokus kawalan dalaman dengan pencapaian akademik dan hubungan negatif secara signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik. Seterusnya, kajian oleh Shute, Howard dan Steyaert (1984) dan Skinner, Melanie dan James (1998) mendapati lokus kawalan berbeza berdasarkan peringkat umur, di mana semakin meningkat umur, seseorang itu cenderung untuk mempunyai lokus kawalan dalaman.

Selain itu, asas pembentukan hipotesis bagi objektif keempat dan kelima adalah berdasarkan kerangka teoritikal hubungan antara nilai pencapaian (Schwartz, 1992), lokus kawalan (Rotter, 1966) dan orientasi masa hadapan (Trommsdorff, 1982) dengan atribusi kemiskinan (Heider, 1958). Walaupun secara teorinya pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji berhubung antara satu sama lain, namun pengkaji membangunkan hipotesis null

disebabkan oleh kurangnya kajian yang membuktikan secara langsung hubungan signifikan antara kesemua pemboleh ubah kajian. Malah, kajian ini juga merupakan satu kajian baru yang dilakukan ke atas remaja Orang Asli.

Berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang telah dibangunkan mengikut objektif kajian.

Hipotesis bagi Objektif Ketiga

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai pencapaian mengikut umur.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai pencapaian mengikut gender.
- H_{a3}: Terdapat perbezaan yang signifikan nilai pencapaian mengikut tahap pencapaian akademik.
- H_{a4}: Terdapat perbezaan yang signifikan lokus kawalan mengikut umur.
- H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan lokus kawalan mengikut gender.
- H_{a6}: Terdapat perbezaan yang signifikan lokus kawalan mengikut tahap pencapaian akademik.
- H₀₇: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan orientasi masa hadapan mengikut umur.
- H₀₈: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan orientasi masa hadapan mengikut gender.
- H_{a9}: Terdapat perbezaan yang signifikan orientasi masa hadapan mengikut tahap pencapaian akademik.
- H₀₁₀: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan diri mengikut umur.
- H₀₁₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan sokongan mengikut umur.
- H₀₁₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan ekonomi mengikut umur.
- H₀₁₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan fatalistik mengikut umur.
- H₀₁₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan diri mengikut gender.
- H₀₁₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan sokongan mengikut gender.
- H₀₁₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan ekonomi mengikut gender.
- H₀₁₇: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan fatalistik mengikut gender.
- H₀₁₈: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan diri mengikut tahap pencapaian akademik.

- H₀₁₉: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan sokongan mengikut tahap pencapaian akademik.
- H₀₂₀: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan ekonomi mengikut tahap pencapaian akademik.
- H₀₂₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan atribusi kemiskinan fatalistik mengikut tahap pencapaian akademik.

Hipotesis bagi Objektif Keempat

- H₀₂₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan lokus kawalan.
- H₀₂₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan orientasi masa hadapan.
- H₀₂₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan orientasi masa hadapan.
- H₀₂₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi kemiskinan diri.
- H₀₂₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi kemiskinan sokongan.
- H₀₂₇: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi kemiskinan ekonomi.
- H₀₂₈: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi kemiskinan fatalistik.
- H₀₂₉: Tidak terdapat hubungan yang signifikan lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan diri.
- H₀₃₀: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan sokongan.
- H₀₃₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan ekonomi.
- H₀₃₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan fatalistik.
- H₀₃₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan diri.
- H₀₃₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan sokongan.
- H₀₃₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan ekonomi.
- H₀₃₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan fatalistik.

Hipotesis bagi Objektif Kelima

- H₀₃₇: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan diri.

- H₀₃₈: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan sokongan.
- H₀₃₉: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan ekonomi.
- H₀₄₀: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan fatalistik.

1.6 Kepentingan Kajian

Persepsi tentang penyebab asas masalah sosial seperti kemiskinan, ketidaksamarataan dan pengangguran memainkan peranan penting dalam menentukan sikap individu dan respon tingkah laku terhadapnya (Hine, Montiel, Cooksey & Lewko, 2005). Dalam aspek atribusi kemiskinan, kajian tentang persepsi individu terhadap penyebab kemiskinan telah menarik perhatian ramai penyelidik (Wollie, 2009). Ini kerana, selagi terdapat masalah kemiskinan di dunia, terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk menjelaskan permasalahan tersebut (Harper, 2001). Beberapa penyelidikan yang mengkaji atribusi kemiskinan memberikan pandangan atau gambaran yang lebih luas bagaimana kemiskinan dilihat. Sehubungan itu, kajian atribusi kemiskinan yang dilakukan ini adalah satu kajian yang penting dan kesignifikan kajian ini dilihat dari tiga aspek utama iaitu aspek perkembangan ilmu dalam disiplin psikologi sosial, aspek remaja Orang Asli sebagai generasi masa hadapan, dan aspek kepentingan dasar.

Pertama adalah kepentingan dari segi perkembangan ilmu disiplin psikologi sosial khususnya atribusi kemiskinan. Kajian ini memberikan satu sumbangan kepada penyelidikan yang melihat penyebab kemiskinan dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang masih dibelenggu kemiskinan yang serius. Hasil kajian ini adalah sangat penting kerana penyelidikan berkenaan atribusi kemiskinan di peringkat tempatan sangat terhad. Kajian ini adalah lanjutan kajian-kajian lepas tentang atribusi kemiskinan, tetapi telah diadaptasi ke atas kelompok minoriti Orang Asli mengikut kesesuaian latar belakang Orang Asli di Malaysia. Kajian ini telah memperkembangkan pemahaman penyebab kemiskinan dengan menggabungkan lebih kepercayaan kontemporari kepada skala atribusi kemiskinan Orang Asli. Justeru, hasil analisis faktor atribusi kemiskinan dapat memperlihatkan keunikan faktor penyebab kemiskinan dalam kalangan minoriti Orang Asli berbanding tiga faktor asal iaitu individualistik, strukturalistik dan fatalistik sepertimana yang dilaporkan oleh Feagin (1972); perintis kajian atribusi kemiskinan. Kajian yang dijalankan ini turut memberi sumbangan baru kepada faktor-faktor yang mempengaruhi atribusi kemiskinan iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan, di mana tiada kajian sebelum ini yang

dilakukan secara langsung untuk menguji hubungan dan kesan ketiga-tiga faktor tersebut terhadap atribusi kemiskinan.

Seterusnya, kajian ini penting kerana dapat menggambarkan pola atau corak psikologi khususnya elemen kognitif subjek kajian iaitu remaja Orang Asli. Pemikiran atau kognisi mengalami banyak perubahan semasa zaman remaja. Pemikiran remaja akan berubah dari segi daya penaaakulan, di mana pemikiran menjadi abstrak serta mula wujud kognisi sosial. Kajian ini merupakan perintis elemen baru kepada psikologi sosial iaitu atribusi kemiskinan dan faktor penyumbang yang perlu diberi perhatian. Melalui kajian ini dapat mengetahui bagaimana persepsi dan atribusi remaja Orang Asli terhadap kemiskinan. Selain itu, dapat mengetahui tahap nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan mereka. Dengan memahami kekuatan dan kelemahan yang ada pada remaja Orang Asli, kita dapat membantu mereka menjalankan tugas perkembangannya dengan lebih baik walaupun mereka berada dalam komuniti yang dihimpit masalah kemiskinan. Di samping itu, dengan memahami pemikiran mereka terhadap kemiskinan, penyelidik dapat mengenal pasti bias pelaku-pemerhati dan seterusnya mengambil langkah untuk menghapuskan pemikiran 'mental subsidi' dalam kalangan Orang Asli.


Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan sumbangan berkenaan persepsi golongan miskin terhadap penyebab kemiskinan. Ini kerana, walaupun topik tentang persepsi terhadap penyebab kemiskinan mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan miskin, namun kajian-kajian yang meneliti bagaimana golongan miskin mempersepsikan penyebab kemiskinan adalah sangat terhad. Antara kajian tersebut adalah seperti kajian atribusi kemiskinan dalam kalangan nelayan (Mohammad, 1991), kajian perbandingan atribusi kemiskinan antara kelas pertengahan dan penerima bantuan kebajikan (Bullock, 1999) dan kajian penjelasan kemiskinan oleh remaja Cina di Hong Kong (Shek, 2003). Rata-rata kajian lepas yang mengkaji persepsi atau atribusi kemiskinan (Cozzarelli et al. 2001; Nasser, Singhal & Abouchdid, 2005; Ljubotina & Ljubotina, 2007; Murnizam & Webley, 2009; Wollie, 2009) dilakukan ke atas orang awam dan pelajar-pelajar kolej serta universiti tanpa melibatkan golongan miskin itu sendiri sebagai subjek kajian. Walhal, pemahaman bagaimana golongan miskin mengatribut kemiskinan adalah penting kerana persepsi memainkan satu peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku orang miskin itu sendiri (Kane, 1987). Ini disokong oleh Shek (2003) dan Ljubotina dan Ljubotina (2007) yang menganggap kajian atribusi kemiskinan wajar dilakukan ke atas golongan miskin itu sendiri agar penyelidik dapat mengenal pasti apa yang dipersepsikan oleh golongan miskin sebagai penyebab utama kemiskinan.

Aspek yang terakhir adalah kepentingan dasar, di mana dapatan kajian ini sangat membantu pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Kementerian Pelajaran mengenal pasti potensi yang ada

pada diri remaja Orang Asli sebagai contoh tahap nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan yang optimis yang memberi kesan kepada atribusi kemiskinan. Sejalan dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan Orang Asli, faktor penyebab kemiskinan yang telah dikenal pasti dapat diperhalusi dan diberikan penekanan agar pihak bertanggungjawab dapat membangunkan strategi intervensi yang sesuai dalam membasmi kemiskinan kelompok minoriti.

1.7 Kerangka Teoritikal

Teori adalah satu kenyataan atau satu set kenyataan mengenai hubungan antara pemboleh ubah yang mengandungi sekurang-kurangnya satu konsep yang tidak diperhatikan secara langsung tetapi perlu untuk menjelaskan hubungan tersebut (McBurney & White, 2010). Terdapat tiga teori utama yang telah dikenal pasti sebagai teori yang mendasari dan sangat berkait dengan kajian ini sebagai pengikat kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Teori yang utama adalah Teori Atribusi, manakala Teori Nilai, Teori Pembelajaran Sosial dan Pendekatan Kognitif-Motivasi Orientasi Masa Hadapan bertindak sebagai penyokong kepada teori utama (sila lihat Rajah 1.1). Berikut merupakan penjelasan terperinci tentang teori-teori yang dipilih dan pengaplikasian teori-teori tersebut dalam kajian ini.



Rajah 1.1: Kerangka Teoritikal: Hubungan antara Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan dan Orientasi Masa Hadapan dengan Atribusi Kemiskinan Remaja Orang Asli

1.7.1 Teori Atribusi

Kebanyakan kajian tentang persepsi terhadap faktor penyebab kemiskinan telah dipengaruhi oleh teori atribusi yang dipelopori oleh Fritz Heider (1958). Heider berpendapat bahawa setiap orang mempunyai teori umum dalam memahami tingkah laku manusia lain. Teori umum itu disebut sebagai psikologi naif iaitu kecenderungan untuk merumus dan menjelas peristiwa sosial. Manusia sentiasa bermotivasi untuk mencari penjelasan tentang peristiwa sosialnya. Oleh itu, dengan membuat atribusi akan dapat memuaskan keinginan dan desakan dalaman mereka. Proses pembentukan impresi dan membuat inferensi terhadap seseorang pada tahap awal biasanya terhad, jadi seseorang akan cenderung membuat atribusi (Rozmi, 2011).

Teori atribusi (Heider, 1958 dlm Pennington, 2000) menekankan faktor dalaman dan luaran. Atribusi dalaman bermakna tingkah laku paling sesuai diterangkan dengan merujuk kepada pembawaan, personaliti dan keadaan emosi, iaitu sesuatu yang dalaman bagi seseorang. Sebaliknya, atribusi luaran bermakna tingkah laku lebih difahami sebagai satu respon kepada tekanan yang mendesak oleh situasi iaitu sesuatu yang luaran bagi seseorang.

Pengenalpastian sama ada sesuatu tingkah laku atau peristiwa itu disebabkan oleh sebab-sebab luaran atau sebab-sebab dalaman adalah penting kerana tindakan tersebut mempengaruhi persepsi kita terhadap orang atau peristiwa tersebut, misalnya daripada negatif ke positif atau sebaliknya; dan seterusnya boleh mengubah tindak balas kita terhadapnya (Ma'rof, 2005). Berdasarkan perintis kajian empirikal ke atas atribusi kemiskinan iaitu Joe R. Feagin (1972, 1975) terdapat tiga kategori asas penyebab kemiskinan iaitu individualistik, strukturalistik dan fatalistik. Pendekatan individualistik yang menekankan alasan individu sebagai punca kemiskinan adalah atribusi dalaman, manakala pendekatan struktural dan fatalistik adalah atribusi luaran. Dalam skop kajian ini, usaha yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti sama ada masalah kemiskinan dalam kalangan Orang Asli disebabkan oleh sebab-sebab luaran atau sebab-sebab dalaman mengikut persepsi subjek kajian iaitu remaja Orang Asli. Sebab-sebab dalaman adalah alasan bahawa Orang Asli itu sendiri sebagai punca kemiskinan seperti kurang usaha untuk perbaiki keadaan hidup, kurang keinginan untuk berjaya, suka membuang masa, kurang motivasi dan lain-lain. Sebab-sebab luaran adalah seperti kurang peluang kerja untuk Orang Asli, tiada bantuan untuk Orang Asli dalam bidang pertanian, bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber ekonomi, dilahirkan dalam keluarga yang miskin dan lain-lain.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengandaikan bahawa pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas seperti nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi

masa hadapan remaja Orang Asli mempunyai hubungan dan seterusnya mempengaruhi atribusi kemiskinan mereka terhadap Orang Asli. Seterusnya, pengkaji menghuraikan teori nilai, teori pembelajaran sosial dan pendekatan kognitif-motivasi yang menghubungkan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian.

1.7.2 Teori Nilai

Secara amnya, diandaikan bahawa nilai adalah universal atau sejagat di mana individu mengejar nilai yang sama di seluruh dunia, tetapi kepentingannya adalah relatif bagi nilai yang berbeza (Rokeach, 1973; Schwartz & Bilsky, 1987). Konsep nilai mampu menyatukan kepentingan yang kelihatan berbeza bagi semua sains yang berkenaan dengan tingkah laku manusia (Rokeach, 1973).

Menurut Schwartz (1992), apabila kita berfikir tentang nilai, kita berfikir tentang apa yang penting kepada kita dalam kehidupan (contohnya seperti keselamatan, kebebasan, kebijaksanaan, kejayaan, kebaikan dan keseronokan). Setiap daripada kita memegang pelbagai nilai dengan darjah kepentingan yang berbeza-beza. Nilai-nilai tertentu mungkin sangat penting kepada seseorang individu, sebaliknya tidak penting kepada orang lain. Konsensus mengenai cara terbaik untuk mengkonsepsikan nilai asas telah muncul secara beransur-ansur semenjak tahun 1950. Ciri-ciri utama konsep nilai asas yang tersirat dalam penulisan kebanyakan pengkaji dan ahli teori adalah seperti di bawah.

1. Nilai adalah kepercayaan yang terikat rapat dengan emosi, subjektif dan *'cold ideas'*.
2. Nilai adalah konstruk motivasi. Ia merujuk kepada matlamat yang diinginkan, di mana manusia berusaha untuk mencapainya.
3. Nilai menjangkai tindakan dan situasi yang khusus. Ia adalah matlamat yang abstrak. Sifat semulajadi nilai yang abstrak membezakan ia daripada konsep-konsep seperti norma dan sikap, yang selalunya merujuk kepada tindakan, objek dan situasi yang khusus.
4. Nilai membimbing pemilihan atau penilaian tindakan, polisi, manusia dan peristiwa.
5. Nilai-nilai disusun mengikut kepentingan relatif antara satu sama lain. Nilai-nilai manusia membentuk satu sistem yang disusun mengikut kepentingan nilai yang mengkategorikan ia sebagai individu. Ciri hierarki nilai juga membezakan ia daripada norma dan sikap.

Justeru, teori nilai mendefinisikan nilai sebagai sesuatu yang diinginkan, matlamat yang merentasi situasi, berbeza dalam kepentingan, yang bersedia sebagai prinsip bimbingan dalam kehidupan manusia. Kelima-lima ciri di

atas secara lazimnya adalah ciri-ciri bagi kesemua nilai. Namun, aspek kandungan yang penting yang membezakan antara nilai adalah jenis matlamat motivasi yang jelas (Schwartz, 1992).

Seterusnya, salah satu instrumen yang terperinci dan dibina dengan baik untuk mengukur nilai ialah Survei Nilai Schwartz. Dalam hal ini, nilai diandaikan untuk mewakili motivasi dan didefinisikan menjadi kewakilan kognitif bagi tiga jenis keperluan manusia yang universal atau sejagat iaitu keperluan biologi, keperluan interaksi sosial untuk kordinasi interpersonal (antara perseorangan), dan permintaan masyarakat untuk kebajikan kelompok dan kelangsungan hidup.


Berdasarkan kepada definisi tersebut, sepuluh domain motivasi bagi nilai telah ditentukan oleh Schwartz (1992), dan 56 nilai telah disahkan mewakili sepuluh domain motivasi seperti berikut:

1. Kuasa : status sosial dan prestij, mengawal atau dominan terhadap orang lain dan sumber.
2. Pencapaian: kejayaan peribadi menerusi demonstrasi kecekapan berdasarkan piawai sosial.
3. Hedonisme: keseronokan dan kepuasan yang mengghairahkan untuk diri sendiri.
4. Stimulasi: keterujaan, sesuatu yang baru dan cabaran dalam kehidupan.
5. Hala tuju diri: pemikiran dan tindakan yang bebas, memilih, mencipta dan meneroka.
6. Sejagat: memahami, menghargai, toleransi dan melindungi kebajikan semua orang dan alam.
7. Kebajikan: pemeliharaan dan peningkatan kebajikan dengan mereka yang kerap berhubung secara peribadi (dalam kumpulan).
8. Tradisi: menghormati, komitmen, dan penerimaan adat resam dan idea bahawa budaya tradisional atau agama yang menyediakan diri.
9. Keakuran: Kekangan atau halangan tindakan, kecenderungan, dan dorongan mungkin untuk mengecewakan atau membahayakan orang lain dan mengganggu jangkaan sosial atau norma.
10. Keselamatan: keselamatan, keharmonian, dan kestabilan masyarakat, hubungan dan diri.

Seterusnya, diandaikan domain nilai telah distrukturkan dalam satu '*circular way*', di mana domain yang bersebelahan adalah paling serasi dan domain yang bertentangan adalah berkonflik atau bercanggah (Schwartz, 1992; Bilsky & Schwartz, 1994). Ini kerana, tindakan dalam usaha mencapai sesuatu nilai mempunyai kesan psikologikal, praktikal dan sosial yang mungkin bercanggah atau mungkin kongruen dengan usaha mencapai nilai yang lain. Sebagai contoh, usaha mencapai nilai pencapaian mungkin bercanggah dengan usaha untuk mencapai nilai kebajikan, di mana mencari

kejayaan untuk diri sendiri mungkin menghalang tindakan yang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan orang lain yang memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai nilai pencapaian mungkin serasi dengan usaha mencapai nilai kuasa, di mana mencari kejayaan peribadi untuk diri sendiri mungkin untuk mengukuh dan menjadi kukuh dengan tindakan yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan sosial seseorang dan autoriti ke atas orang lain.

Struktur 'circular' dalam Rajah 1.2 menggambarkan keseluruhan pola hubungan konflik dan kongruen antara nilai yang disarankan oleh teori. Susunan sepusingan (*circular*) nilai mewakili kontinum motivasi. Semakin dekat jarak antara dua nilai dalam struktur bulatan, maka semakin sama motivasi asas nilai tersebut. Sebaliknya, semakin jauh jarak antara dua nilai, maka semakin antagonis motivasi asas nilai tersebut.



Rajah 1.2: Model Teoritik Hubungan antara Sepuluh Jenis Motivasi Nilai oleh Schwartz

Konflik dan kongruen antara sepuluh nilai asas menghasilkan satu struktur nilai yang bersepadu. Struktur tersebut boleh dirumuskan dengan dua dimensi *orthogonal* iaitu Peningkatan Kendiri lwn. Mengatasi Kendiri (*Self-enhancement vs. Self-transcendence*) dan Keterbukaan untuk Berubah lwn. Pemuliharaan (*Openness to change vs. Conservation*). Dalam dimensi pertama iaitu Peningkatan Kendiri lwn. Mengatasi Kendiri, nilai kuasa dan pencapaian bertentangan dengan nilai sejagat dan kebajikan. Nilai kuasa dan pencapaian menitikberatkan usaha untuk mencapai kepentingan diri sendiri, sebaliknya nilai sejagat dan kebajikan mementingkan kebajikan dan kepentingan orang lain. Seterusnya, dalam dimensi kedua iaitu Keterbukaan untuk Berubah lwn. Pemuliharaan, nilai halatuju diri dan stimulasi bertentangan dengan nilai keselamatan, keakuran dan tradisi. Nilai halatuju diri dan stimulasi menitikberatkan tindakan, pemikiran dan perasaan yang bebas, dan kesediaan untuk pengalaman yang baru. Sebaliknya, nilai keselamatan, keakuran dan tradisi menitikberatkan sekatan diri, perintah dan halangan untuk berubah. Manakala nilai hedonisme pula berkongsi kedua-dua elemen keterbukaan dan peningkatan sendiri.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, fokus domain nilai adalah kepada nilai pencapaian iaitu nilai yang menitikberatkan kejayaan peribadi menerusi demonstrasi kecekapan mengikut piawai sosial. Nilai pencapaian juga memberi perhatian kepada keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya sebagaimana yang didefinisikan oleh sesebuah masyarakat atau mengikut piawai sosial. Merujuk kepada ciri-ciri utama konsep nilai asas oleh Schwartz (1992), nilai adalah konstruk motivasi. Ini bermakna, nilai diandaikan untuk mewakili motivasi dan menjadi kewakilan kognitif. Keadaan ini dapat dikaitkan juga dengan ciri-ciri nilai yang berperanan sebagai pembimbing pemilihan atau penilaian tindakan. Ini menjadikan nilai yang berhubung dengan penaakulan, mampu untuk bertindak sebagai satu kuasa motivasi yang membentuk atribusi. Justeru, teori nilai ini menggambarkan bahawa nilai pencapaian yang dimiliki oleh responden iaitu remaja Orang Asli mampu bertindak sebagai satu kuasa motivasi dalam membentuk atribusi responden terhadap penyebab kemiskinan dalam komuniti Orang Asli.

1.7.3 Teori Pembelajaran Sosial

Pendekatan pembelajaran sosial atau tingkah laku menekankan bahawa personaliti mengandungi kecenderungan-kecenderungan yang dipelajari, yang diperoleh sepanjang hayat (Ma'rof & Haslinda, 2004). Tokoh-tokoh yang mendokong pendekatan pembelajaran atau tingkah laku (*behaviorisme*) seperti Ivan Pavlov, John B. Watson dan B.F Skinner tidak menerima faktor-faktor biologikal, pengaruh bawah-sedar dan trait, sebaliknya menekankan kepentingan pembelajaran dan faktor-faktor persekitaran. Di antara teori-teori pembelajaran sosial adalah seperti Teori Pelaziman Operan oleh B.F

Skinner, Teori Kognitif Sosial oleh Albert Bandura, Teori Lokus Kawalan oleh Julian Rotter dan Teori Personaliti oleh Water Mischel.

Teori pembelajaran sosial menjelaskan tingkah laku manusia dari segi interaksi dua hala yang berterusan antara kognitif, tingkah laku dan pengaruh persekitaran. Teori pembelajaran sosial selalu dianggap sebagai penghubung antara *behaviorist* dan teori pembelajaran kognitif kerana ia merangkumi pemerhatian, ingatan dan motivasi. Menurut Morris (1993), idea utama teori pembelajaran sosial masih mengekalkan persamaan bahawa sentiasa ada interaksi antara tiga faktor iaitu individu, situasi dan penilaian jangkaan yang diperoleh daripada individu itu dari pengalamannya.

Untuk kajian ini, konsep lokus kawalan yang berperanan sebagai salah satu pemboleh ubah bebas adalah berdasarkan konsep lokus kawalan oleh Julian Rotter (1966) daripada tradisi '*behaviorisme*'. Konsep lokus kawalan bermaksud darjah sejauh mana kita menjangkakan bahawa sama ada kita dapat menguasai atau mengawal hasil atau kesan daripada tingkah laku kita, atau hasil tersebut dikawal oleh faktor-faktor seperti nasib, takdir atau kebetulan (Ma'rof & Haslinda, 2004). Rotter telah mengemukakan dua konsep utama iaitu lokus kawalan dalaman dan lokus kawalan luaran. Lokus kawalan dalaman berkaitan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa kita sendiri yang menguasai tingkah laku diri sendiri dan juga hasil atau kesan daripada tingkah laku tersebut. Orang yang mempunyai lokus kawalan dalaman kurang berserah kepada nasib, dan biasanya berjaya dalam bidang akademik, dan bidang-bidang lain di mana mereka ini bekerja keras. Mereka percaya bahawa diri sendiri mampu menentukan hasil kejayaan sesuatu tingkah laku.

Lokus kawalan luaran pula berkaitan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa tingkah laku dan hasilnya dikuasai oleh faktor-faktor luar daripada diri sendiri seperti nasib, takdir dan kebetulan. Mereka yang berpersonaliti sebegini dikatakan suka berserah kepada nasib dan kurang bekerja keras. Mereka percaya bahawa diri sendiri tidak mampu menentukan hasil kejayaan daripada tingkah laku, sebaliknya hasil tersebut dipercayai dikuasai oleh faktor-faktor di luar kawalan diri sendiri, seperti nasib atau belas kasihan orang lain.

Lokus kawalan sering dianggap sebagai satu dimensi penyebab bagi teori atribusi, membimbing atribusi seseorang dengan meletakkan tanggungjawab dalaman atau luaran. Menurut Pennington (2000), dengan menterjemahkan konsep lokus kawalan dalam ekspresi atribusi, bermakna individu yang mempunyai lokus kawalan luaran akan mengatribut penyebab sesuatu peristiwa dalam kehidupan mereka kepada nasib, takdir dan tindakan daripada kuasa lain. Justeru, individu yang mempunyai lokus kawalan luaran akan mempersepsikan sedikit hubungan antara tingkah laku mereka dengan usaha dan apa yang berlaku kepada mereka. Sebaliknya, individu

yang menunjukkan personaliti lokus kawalan dalaman akan mempersepsikan kejayaan contohnya, kepada usaha mereka sendiri.

Selain itu, adalah penting untuk menghargai perbezaan antara kedua-dua model teoritikal atribusi dan lokus kawalan dalam psikologi. Ahli teori atribusi yakni ahli psikologi sosial prihatin dengan proses-proses umum yang mencirikan bagaimana dan kenapa individu secara umumnya membuat atribusi, sedangkan ahli teori lokus kawalan lebih prihatin kepada perbezaan individu.

Secara keseluruhan, lokus kawalan seseorang menentukan tingkah lakunya seharian, menentukan sama ada seseorang itu cuba mengawal situasi-situasi yang berada di sekitarnya, atau hanya berserah kepada nasib dan situasi tersebut. Melalui kajian yang dijalankan ini, responden yang mempunyai jangkaan kawalan dalaman atau luaran diandaikan dapat memberi kesan kepada persepsi mereka terhadap penyebab kemiskinan. Lokus kawalan adalah jangkaan umum yang mampu meramal tingkah laku manusia merentasi situasi. Apa yang mengawal peristiwa dalam kehidupan remaja Orang Asli turut mempengaruhi persepsi mereka terhadap penyebab kemiskinan. Peneguhan daripada tingkah laku sama ada di bawah kawalan mereka atau tidak, mampu mempengaruhi persepsi mereka.

1.7.4 Pendekatan Kognitif-Motivasi bagi Orientasi Masa Hadapan

Orientasi masa hadapan adalah fenomena kognitif-motivasi yang mencerminkan jangkaan sesuatu perkara (Trommsdorff, Burger & Fuchsle, 1982). Merujuk kepada aspek kognitif, konsep orientasi masa hadapan dilihat sebagai aspek kognitif yang spesifik iaitu sebahagian daripada skema kognitif (Piaget, 1946; Kelly, 1955) dalam (Trommsdorff, 1983). Orientasi masa hadapan sebagai satu skema kognitif bermaksud penstrukturan peristiwa masa hadapan dari segi rangkaian masa dan susunan atau turutan sebab musabab. Jangkaan kognitif skemata boleh menjadi lebih atau kurang, berbeza, tepat, konsisten (*coherent*) dan realistik. Ia boleh difokus kepada penyebab dalaman berbanding luaran bagi peristiwa masa hadapan dan pada perkembangan yang mungkin bagi diri atau persekitaran. Ia distruktur berdasarkan kepada kandungan '*thematic*' (*thematic content*) bagi jangkaan masing-masing. Kandungan '*thematic*' mungkin boleh membentuk struktur kognitif, memandangkan ia menentukan keadaan tertentu, matlamat dan motif individu yang relevan (Trommsdorff, 1983).

Bagi aspek motivasi dan afektif, masa hadapan boleh dialami sebagai lebih optimistik atau pesimistik (Trommsdorff & Lamm 1975; Trommsdorff et al. 1982). Kualiti afektif orientasi masa hadapan dianggap mempengaruhi tingkah laku individu dan dengan itu perlu dikaji, di samping penstrukturan kognitif dan *temporal* bagi masa hadapan. Masa hadapan yang subjektif bukan hanya mengandungi skemata kognitif tetapi juga matlamat, harapan,

ketakutan dan hasrat. Aspek-aspek motivasi dan afektif ini diandaikan berhubung dengan penstrukturan kognitif dalam cara yang kompleks bergantung kepada konteks situasi dan kandungan 'thematic' bagi jangkaan yang mana mengaktifkan secara berasingan matlamat dan motif yang relevan (Trommsdorff, 1983).

Pendekatan motivasi mengandungi orientasi masa hadapan sebagai satu penengah bagi kesemua aktiviti yang bermotivasi (Nuttin, 1964). Motif manusia terarah kepada matlamat yang boleh dicapai dalam masa yang singkat atau jangka masa panjang. Sesetengah matlamat itu mungkin untuk mencapai tujuan dan memenuhi keperluan serta hasrat tertentu. Matlamat juga mungkin terdapat dalam pengelakan ketakutan tertentu dan peristiwa yang tidak diinginkan. Sesuatu situasi itu boleh dimotivasi jika kepuasan keperluan dijangkakan. Jangkaan tersebut berorientasi kepada jenis kesan atau akibat aktiviti, pertimbangan prasyarat yang mencukupi untuk kejayaan aktiviti (cth. keadaan dalaman atau luaran) dan kebarangkalian kejayaan dalam situasi yang diberikan. Bersama dengan jangkaan tersebut, nilai bagi matlamat yang spesifik perlu membentuk orientasi masa hadapan dan menentukan aktiviti yang berkaitan.

Menurut Seginer (2003), konseptual kontemporari bagi orientasi masa hadapan boleh dikesan seawal tugas tiga ahli psikologi iaitu Frank (1939), Israeli (1930, 1936) dan Lewin (1939, 1948). Ketiga-tiga ahli psikologi tersebut telah menganalisis dan memberi konsep orientasi masa hadapan serta fungsi perkembangan dan motivasi, khususnya kepada tiga isu iaitu: i) orientasi masa hadapan, atau pembinaan peristiwa dan pengalaman yang mungkin bagi masa hadapan, dijana atau dihasilkan pada masa sekarang, ii) orientasi masa hadapan adalah domain yang khusus dan individu membina imej masa hadapan dengan mengaitkan dengan perbezaan domain, dan iii) kandungan (*themes*) bagi domain mungkin peribadi atau sosial, realistik atau ideal dan berasaskan realiti atau fantasi. Dengan menggunakan istilah yang berbeza, Israeli dan Lewin menganggap kuasa motivasi bagi orientasi masa hadapan seperti mengarah dan mengawal tingkah laku pada masa sekarang.

Selain itu, Trommsdorff dan Lamm (1980) melihat sejauhmana seseorang itu optimis atau pesimis terhadap masa hadapan. Optimisme boleh didefinisi sebagai kecenderungan untuk percaya bahawa seseorang akan mencapai hasil yang baik atau tidak dalam kehidupan. Umumnya, kepercayaan diterima sebagai satu ciri individu yang stabil (Scheier & Carver, 1985). Berdasarkan pandangan tersebut, optimis adalah orang yang menjangkakan hasil atau kesudahan masa hadapan yang positif. Sebaliknya, pesimis adalah mereka yang mempamerkan lebih jangkaan negatif terhadap masa hadapan (Scheier & Carver, 1992). Optimisme telah terbukti memainkan peranan dalam mood yang positif, kecekalan, baik dalam penyelesaian masalah, dan kejayaan akademik dan pekerjaan (Peterson, 2000).

Optimisme telah dibangun dari model pengaturan sendiri (*self-regulation*) (Scheier & Carver, 1992). Model tersebut mengandaikan bahwa orang yang selalu terlibat dalam usaha untuk mengatasi halangan-halangan bagi mencapai matlamat (seperti jangkaan untuk berjaya) akan mendapat manfaat. Apabila perasaan ragu-ragu semakin meningkat, seseorang itu lebih cenderung untuk berputus asa atau meninggalkan matlamat yang terancam itu. Walau bagaimanapun, orang yang optimis lebih cenderung untuk meneruskan usaha mencapai matlamat apabila berhadapan dengan situasi yang sukar (Wrosch & Sheier, 2003). Di samping itu, orang yang optimis juga secara spontan cenderung untuk menggunakan mekanisme yang stabil bagi menangani masalah dengan berkesan (seperti menangani masalah berfokus), yang mana membantu mereka untuk berdepan dengan cabaran (Scheier & Carver, 1992).

Seterusnya, teori optimisme yang dibangun oleh Scheier dan Carver (1985) mendorong mereka untuk meramal bahawa optimis mempamerkan tugas prestasi yang lebih baik dalam pelbagai domain berbanding pesimis (Robbins, Spence, & Clark, 1991). Shepperd, Maroto dan Pbert (1996) menekankan bahawa optimisme menunjukkan satu hubungan positif dengan kejayaan individu dalam kebanyakan tugas yang dilakukan termasuk pencapaian akademik.

Berbalik kepada kajian yang dilakukan ini, sejauh mana seseorang responden itu optimis atau pesimis terhadap masa hadapan mereka diandaikan mempengaruhi persepsi dan khususnya atribusi terhadap kemiskinan Orang Asli. Berdasarkan pandangan oleh (Scheier & Carver, 1992), orang yang optimis akan menjangkakan hasil atau kesudahan masa hadapan yang positif. Mereka juga akan menggunakan mekanisme yang stabil untuk berdepan dan seterusnya menangani masalah. Ciri-ciri responden yang optimis terhadap masa hadapan diandaikan mempengaruhi cara mereka berfikir dan seterusnya membuat atribusi terhadap penyebab kemiskinan dalam kalangan komuniti mereka sendiri.

1.8 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian bertujuan untuk membentangkan kedudukan keseluruhan pemboleh ubah yang dikaji merangkumi pemboleh ubah antisiden, pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Selain memberi panduan dalam proses pengendalian kajian, kerangka konsep juga memberi petunjuk dalam proses penganalisan data. Kerangka konsep yang dibina untuk kajian ini adalah berlandaskan teori-teori seperti Teori Atribusi, Teori Nilai, Teori Pembelajaran Sosial serta Pendekatan Kognitif-Motivasi Orientasi Masa Hadapan.

Kerangka konsep bagi kajian ini seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.3, membentangkan hubungan antara sosio-demografi, nilai pencapaian, lokus

kawalan dan orientasi masa hadapan dengan atribusi kemiskinan. Pemboleh ubah antisiden bagi kajian ini ialah latar belakang atau sosio-demografi responden yang meliputi umur, jantina dan pencapaian akademik. Pemboleh ubah bebas adalah nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan. Manakala, pemboleh ubah bersandar terdiri daripada atribusi kemiskinan yang mempunyai empat dimensi iaitu individu, sokongan, ekonomi dan fatalistik.



Rajah 1.3 Kerangka Konsep: Nilai Pencapaian, Lokus Kawalan, Orientasi Masa Hadapan dan Atribusi Kemiskinan

Berdasarkan kerangka kajian yang telah dibina, pengkaji berminat untuk meneliti perbezaan faktor demografi seperti umur, jantina dan tahap pencapaian akademik bagi kesemua pemboleh ubah iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan, orientasi masa hadapan dan atribusi kemiskinan. Selain itu, pengkaji berminat untuk mengkaji hubungan atau perkaitan antara nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan (yang bertindak sebagai pemboleh ubah bebas) dengan atribusi kemiskinan (yang bertindak sebagai pemboleh ubah bersandar). Kerangka kajian ini menjangkakan bahawa remaja Orang Asli yang mempunyai tinggi nilai pencapaian, lokus kawalan dalaman dan orientasi masa hadapan yang optimis akan mengatribut kemiskinan lebih kepada faktor dalaman (individu), sebaliknya remaja yang mempunyai rendah nilai pencapaian, lokus kawalan luaran dan orientasi masa hadapan yang pesimis dijangka akan mengatribut kemiskinan lebih kepada faktor luaran seperti ekonomi, sokongan dan fatalistik. Akhir sekali, kesemua pemboleh ubah bebas digabungkan untuk menentukan peramal atribusi kemiskinan.

1.9 Definisi Konseptual dan Operasional

1.9.1 Nilai Pencapaian

Definisi Konseptual

Nilai pencapaian didefinisikan sebagai matlamat untuk mencapai kejayaan peribadi menerusi demonstrasi kecekapan berdasarkan kepada standard atau piawai sosial. Prestasi kecekapan yang menjana sumber-sumber adalah penting bagi individu untuk hidup (*survival*) dan bagi kumpulan dan institusi untuk mencapai objektif mereka. Seperti yang didefinisikan, nilai pencapaian menekankan demonstrasi kecekapan dari segi standard budaya yang lazim dan mendapat persetujuan sosial (Schwartz 1992, 2012).

Definisi Operasional

Dalam kajian ini nilai pencapaian adalah merujuk kepada apa yang diukur oleh Alat Ukuran Nilai Pencapaian yang dibina sendiri oleh penyelidik mengikut kesesuaian subjek kajian berdasarkan adaptasi Survei Nilai Schwartz (Schwartz Value Survey, 1994). Pernyataan-pernyataan dalam skala ini adalah berkaitan dengan keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya untuk mencapai cita-cita. Subjek yang mendapat markat tinggi dalam ujian ini dikategorikan sebagai subjek yang sangat mementingkan nilai pencapaian sebaliknya subjek yang mendapat markat rendah sebagai subjek yang kurang mementingkan nilai pencapaian.

1.9.2 Lokus Kawalan

Definisi Konseptual

Konsep lokus kawalan didefinisikan oleh Rotter (1966) sebagai darjah sejauh mana kita menjangkakan bahawa sama ada kita dapat menguasai atau mengawal hasil atau kesan daripada tingkah laku kita, atau hasil tersebut dikawal oleh faktor-faktor seperti nasib, takdir, atau kebetulan. Rotter mengemukakan dua konsep utama iaitu lokus kawalan dalaman dan lokus kawalan luaran. Lokus kawalan dalaman berkaitan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa kita sendiri yang menguasai tingkah laku diri sendiri dan juga hasil atau kesan daripada tingkah laku tersebut, manakala lokus kawalan luaran pula dikaitkan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa tingkah laku dan hasilnya dikuasai oleh faktor-faktor luar daripada diri sendiri seperti nasib, takdir dan kebetulan.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini lokus kawalan merupakan konstruk jangkauan umum dalaman atau luaran yang dipelopori oleh Rotter (1966). Konstruk ini diukur menggunakan Skala Kawalan Internal-Eksternal Nowicki-Strickland untuk Kanak-kanak (1973). Skala tersebut sesuai digunakan bagi kanak-kanak yang

berumur dalam lingkungan 8-9 tahun (Gred 3) hingga 17-18 tahun (Gred 12). Kenyataan-kenyataan dalam skala ini adalah berkaitan dengan kepercayaan ataupun jangkauan umum seseorang berhubungan dengan kekuasaan terhadap peneguhan tingkah lakunya. Sesuatu kenyataan itu dibentuk untuk mencerminkan sama ada subjek mempersepsikan peneguhan bergantung kepada tingkah laku (kawalan dalaman) ataupun bebas dari kuasanya (kawalan luaran). Skor tinggi menunjukkan subjek mempersepsikan tindakannya lebih dipengaruhi oleh kuasa dari luar (kebetulan, nasib, qadar, orang yang berkuasa). Sebaliknya skor rendah menunjukkan subjek mempersepsikan sesuatu tindakan itu berlaku dengan kuasa dirinya sendiri.

1.9.3 Orientasi Masa Hadapan

Definisi Konseptual

